







UMPSA jalin hubungan erat dengan komuniti melalui perkongsian kepakaran

24 January 2025

GAMBANG, 22 Januari 2025 – Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC) telah mengadakan program PRIHATIN melalui Servis Motosikal yang bertempat di Dataran Kompleks Perkhidmatan Siswa, UMPSA Kampus Gambang.

Program itu telah dihadiri seramai 84 orang komuniti setempat yang terdiri daripada pekerja kilang, staf UMPSA Holdings, para pelajar, dan staf keselamatan UMPSA.

Menurut Pembantu Tadbir PJIM, Badaruddin Hamzah, program ini merupakan pengalaman pertama beliau dalam menawarkan servis tukar minyak enjin motosikal.

“Saya mahir dalam membaiki dan menggantikan komponen rosak pada motosikal.

“Saya berasa sangat gembira kerana kemahiran ini membantu saya memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti kepada komuniti.

“Dengan pengalaman luas dalam bidang mekanik, saya akan berusaha memberikan sokongan kepada mereka yang memerlukan,” ujarnya.

Katanya, ini merupakan langkah pertama dalam memperkenalkan program yang lebih besar pada masa akan datang.

“Membantu orang lain adalah sebahagian daripada nilai kemanusiaan yang mendalam yang seharusnya menjadi amalan warga UMPSA.

“Amalan ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada mereka yang memerlukan, tetapi juga memberikan kepuasan dan tujuan dalam kehidupan kita.

“Selain itu, amalan ini juga dapat mengeratkan hubungan sosial dan membina masyarakat yang lebih harmoni,” katanya.

Ia juga adalah selaras dengan Pelan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan SDG 11: Bandar

dan Komuniti Mampan dan SDG 17: Kerjasama untuk Mencapai Matlamat.

Salah seorang komuniti setempat, Muhammad Fakharuddin Sazali yang hadir mendapatkan servis minyak enjin meluahkan rasa syukur kerana dapat menjimatkan perbelanjaan servis motosikalnya dan dapat berinteraksi bersama warga UMPSA.

“Mereka telah memberikan servis yang baik seperti di bengkel motosikal,” ujarnya.

Seramai enam orang sukarelawan dalam kalangan pelajar Akademi A.D.A.B terlibat dalam membantu staf PJIM yang diketuai oleh Pengarah (Bahagian Hubungan Universiti-Komuniti), Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat, Zainuddin Mat Husin.

Semoga program ini dapat dijalankan dari semasa ke semasa sebagai usaha yang komited dan berterusan oleh warga universiti terhadap komuniti setempat.

Disediakan Oleh: Muhammad Zarif Hanif Zakaria, Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM)

- 201 views

[View PDF](#)